

# DEWAN دewan Bahasa DBP BAHASA

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA

## Ceburi Bidang Terminologi kerana Bahasa


*Profesor*  
**Kara  
Warburton**





Simpiosis antara  
**Kecerdasan  
Buatan** dengan  
Peristilahan  
Bahasa Melayu

**Kecerdasan  
Buatan** dalam  
Pengajaran Bahasa

**Hemah dan  
Wipawa**  
Seorang  
Jurubahasa

 Dewan Bahasa DBP

 dewanbahasadbp

 JendelaDBP

#MalaysiaMembaca

BIL. 11/2024

KK 499-91324-1124  
ISSN 1511-9092



DBP

3

**BICARA BAHASA**  
Memanfaatkan Teknologi  
sebagai Pemacu Pemerdayaan  
Bahasa Kebangsaan  
Siti Zubaidah Sekak

4

**AGENDA BAHASA**  
Simbiosis antara Kecerdasan  
Buatan dengan Peristilahan  
Bahasa Melayu  
Abdul Razak Hamdan  
Mohd Zakree Ahmad Nazri

10

**CUIT-CUIT BAHASA**  
Pak Kojek

11

**PUISI MODEN**  
Bahasa Tiang Peradaban  
Siti Muzdalipah Yaakob

12

**WACANA JAWI**  
Huruf Alif-Ya di Awal Kata  
Munsiyaji Jawi

15

**PEPATAH BAHASA**  
Nurul Syafika Kasim

16

**BAHASA DAN PENDIDIKAN**  
Kecerdasan Buatan dalam  
Pengajaran Bahasa  
Mohd Isha Awang

20

**BAHASA DAN  
PENTERJEMAHAN**  
Hemah dan Wibawa  
Seorang Jurubahasa  
Wan Halizawati Wan Mahmood

24

**BAHASA DAN FALSAFAH**  
Nada Pemikiran Samuel Huntington  
dalam Suara DBP  
Noorilham Ismail



28

**PUISI TRADISIONAL**  
Pantun Bangsa Melayu Bijaksana  
Daeng Ramliakil

30

**WAWANSABDA BAHASA**  
Ceburi Bidang Terminologi  
kerana Bahasa – Profesor  
Kara Warburton  
Fansurina Ramli  
Siti Zubaidah Sekak

36

**CAKNA BAHASA**  
Yang Sebenarnya Ini  
Alias Ismail

40

**CERPEN**  
Bahasa Cinta Pesan Bonda  
Peter Augustine Goh



Jurufoto  
Mohd Farid Janudin  
Mohamad Adib Zulkifli  
Lokasi  
Bangunan Canselori  
Universiti Kebangsaan Malaysia



44

**E-MEL BAHASA**  
Mengapakah Masyarakat Tidak Cakna  
terhadap Kesalahan Bahasa?  
Nurul Fatimah Ayub

46

**BAHASA DAN FALSAFAH**  
Meng-alam-i Bahasa  
Mohd Tarmizi Hasrah

50

**BAHASA DAN PERISTILAHAN**  
Istilah Flora dalam Cerita Lipur  
Lara Melayu  
Suriati Zakaria  
Mohd Zaki Abdul Latiff  
Neni Kartini Che Mohd Ramli

54

**BAHASA DAN LEKSIKOLOGI**  
Leksikal Bahasa Mendriq  
Aminnudin Saimon

58

**BAHASA DAN PERISTILAHAN**  
Kaedah Penterjemahan Istilah  
dalam Gerbang Kata  
Noorul Khairien Abdul Malek

62

**ULASAN BUKU**  
COVID-19: Konspirasi atau Hikmah?  
Angelina Aren Juk



## Leksikal

### Bahasa Mendriq

**D**i Malaysia, kelompok minoriti orang asli terdiri daripada tiga kumpulan besar, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto berdasarkan beberapa kriteria seperti bahasa, cara hidup dan ciri fizikal. Kriteria tersebut sebenarnya cuba dipertahankan sebagai identiti warisan meskipun semakin terkesan kerana pengaruh kumpulan minoriti dalam persekitaran kehidupan. Kumpulan orang asli terawal yang datang ke Tanah Melayu ialah kelompok Negrito. Kumpulan minoriti dianggap *aborigines* yang lebih membawa makna sebagai masyarakat mundur, primitif dan masalah tidak membangun.

Suku kaum Mendriq merupakan kumpulan Negrito. Bentuk fizikal kaum Negrito ini adalah kecil, berkulit gelap dan berambut keriting. Orang Asli Negrito terdiri daripada kumpulan etnik Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Mereka mendiami kawasan di sekitar banjaran Titiwangsa yang kebanyakannya berpusat di sebelah utara semenanjung.

#### Orang Asli Mendriq

Orang Mendriq merupakan satu kelompok suku bangsa Negrito yang terdapat di sekitar hulu sungai Kuala Lah jajahan Gua Musang di negeri Kelantan. Ciri fizikal suku kaum Mendriq adalah sama seperti orang Negrito lain di Kepulauan Andaman, Filipina dan selatan Thailand. Mereka berbadan kecil tetapi sasa, berambut keriting halus, berkulit gelap dan berwajah bulat lebar, hidung leper dan berdagu pendek. Orang Mendriq juga diandaikan sebagai tinggalan penghijrahan zaman Paleolitik (zaman batu lama) yang melalui semenanjung ke arah Kepulauan Pasifik.

Dari segi bahasa pula, kaum Mendriq menggunakan bahasa Austroasiatik yang berbeza daripada bahasa Melayu. Mereka tergolong sebagai penutur rumpun bahasa Mon-Khmer, tetapi kini banyak menerima kemasukan kosa kata bahasa Melayu.

Pada tahun 1998, jumlah kaum Mendriq adalah sebanyak 167 orang yang terdiri daripada 21 keluarga.

Mereka mendiami kawasan pedalaman yang berhampiran dengan sungai. Orang Mendriq sama seperti kumpulan Negrito lain yang mengamalkan kehidupan berpindah-randah untuk menyara hidup. Mengikut perangkaan pada tahun 2001, terdapat 23 keluarga kaum Mendriq yang terdiri daripada 116 orang. Kini, jumlah tersebut semakin meningkat hingga mencecah 438 orang.

Semasa berlakunya banjir merah dan ketika negara dalam keadaan yang tidak aman, kumpulan ini sering berpindah-randah dari Kuala Lah ke Kampung Setar hingga Gua Musang. Apabila berlakunya penjajahan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1948, mereka kembali semula ke kampung asal mereka di Kuala Lah hingga hari ini. Kini, mereka berjiran dengan masyarakat Melayu di Kuala Lah yang berhampiran dengan penempatan mereka dan telah banyak menerima pengaruh pemodenan serta kebanyakan daripada mereka telah menganut agama Islam.

Oleh hal yang demikian, tujuan rencana ini ditulis adalah untuk berkongsi pengetahuan dengan para pembaca tentang bahasa Mendriq dari sudut leksikal tabu, kata ganti nama diri, sistem panggilan, senjata dan anggota badan. Pengenalpastian aspek ini diperoleh melalui temu bual bersama-sama informan yang merupakan Tok Batin suku kaum Mendriq, Kuala Lah, Kelantan.

**Tabu**

Dari segi etimologi, perkataan "tabu" berasal daripada bahasa Tongan, iaitu *tabu* dan bahasa Maori, yakni *tapu* yang merujuk larangan tindakan berdasarkan kepercayaan bahawa tingkah laku tersebut terlalu suci atau terlalu berbahaya untuk dilakukan oleh individu biasa. Menurut Allan (2019), tabu merupakan satu bentuk larangan yang wujud daripada kekangan sosial ke atas tingkah laku individu. Tabu diamalkan oleh pelbagai masyarakat di dunia. Antara tabu yang diamalkan termasuklah:

1. Larangan menyentuh objek atau memakan makanan tertentu.
2. Larangan menggunakan warna tertentu atau berada di kawasan yang dianggap keramat atau suci.
3. Larangan menyebut nama haiwan, nama nenek moyang atau nama tokoh yang dianggap keramat atau suci.
4. Larangan sesuatu perkara pada masa atau hari tertentu.
5. Larangan membicarakan topik yang tertentu.

Tabu juga diamalkan dalam masyarakat Orang Asli Mendriq yang meliputi pelbagai aspek, misalnya larangan membicarakan topik tertentu dan larangan menyebut nama haiwan. Oleh itu, perhatikan jadual di bawah yang memaparkan tabu dalam kalangan masyarakat Orang Asli Mendriq.

Jadual 1 Tabu dalam kalangan masyarakat Orang Asli Mendriq.

Bil.	Unsur	Leksikal Tabu	Makna	Simbol Fonetik
1.	Nama haiwan	Alaj	Gajah	[a.laɟ]
2.	Nama haiwan	Jekop	Ular	[jə.kop]
3.	Nama haiwan	Ap	Harimau	[ap]
4.	Topik	Ngau	Bodoh	[ŋāu]
5.	Topik	Tulik/kurang kenjen	Pekak	[tu.liʔ] [ku.raŋ] [kən.ʃəŋ]
6.	Topik	Bisuk	Bisu	[bi.suʔ]
7.	Topik	Butak/ning bemek	Buta	[bu.taʔ] [nīŋ] [bə.məʔ]
8.	Objek	Hantuk	Penyakit	[han.tuʔ]
9.	Objek	Uk berak dah	Dia dah mati	[uʔ] [bə.raʔ] [dah]
10.	Objek	Encok	Mampus	[en.ɕəʔ]
11.	Objek	Cenhet	Pendek	[çən.hət]
12.	Objek	Libou	Gemuk	[li.bow]
13.	Topik	Gilak	Gila	[gi.laʔ]
14.	Topik	Anak berak bek ei	Anak luar nikah	[a.nāʔ] [bə.raʔ] [bəʔ] [ej]
15.	Objek	Keip	Lipan	[kə.ip]
16.	Topik	Liyaw pantang	Datang bulan	[li.jau] [pan.taŋ]

Jika diperhatikan dalam Jadual 1, penggunaan kata tabu atau eufemisme digunakan bagi merujuk beberapa perkara seperti objek, topik dan nama haiwan. Penggunaan eufemisme ini bertujuan untuk menyembunyikan ketidaksopanan makna yang terdapat pada makna leksikal perkataan tersebut. Penggunaan eufemisme ini juga dilihat sebagai satu strategi komunikasi masyarakat Orang Asli Mendriq dalam kehidupan seharian.

**Kata Ganti Nama Diri**

Kata ganti nama diri (KGND) dalam bahasa Mendriq turut menunjukkan kelainan dan kepelbagaian. Jika



diperhatikan dalam Jadual 2, penggunaan KGND mempunyai variasi yang sama seperti bahasa Melayu, namun perbezaan yang ketara dilihat melalui sebutan.

Jadual 2 Kata ganti nama diri bahasa Mendriq.

Bil.	Unsur	KGND	Makna	Fonetik
1.	KGND ketiga	Uk	Dia	[uʔ]
2.	KGND pertama	Yek	Saya	[jɛʔ]
3.	KGND pertama	Yepah	Kami	[jə.pah]
4.	KGND ketiga	Gen	Mereka	[gən]
5.	KGND kedua	Bek	Kau, engkau	[beʔ]
6.	KGND kedua	Mok	Awak	[mōʔ]

Berdasarkan Jadual 2, penggunaan KGND dalam bahasa Mendriq juga menunjukkan variasi yang hampir sama dengan bahasa Melayu, iaitu KGND pertama, kedua dan ketiga. Dari sudut kepelbagaian juga dilihat berbeza seperti KGND kedua yang mempunyai unsur eufemisme, iaitu awak [mōʔ]. Variasi KGND kedua juga dapat dilihat pada leksikal [beʔ] yang digunakan untuk merujuk kenalan yang rapat. Oleh hal yang demikian, kepelbagaian dalam KGND bahasa Mendriq dilihat mempunyai pengaruh daripada bahasa Melayu dari sudut pengelasan KGND.

**Sistem Panggilan**

Istilah sistem panggilan ini tidak sewenang-wenangnya digunakan, tetapi sebagai penanda sosial bagi pihak yang menyapa dan pihak yang disapa. Sistem panggilan merupakan cara sopan yang digunakan untuk bercakap atau menulis semasa merujuk seseorang atau kumpulan ketika berkomunikasi. Oleh sebab itu, seseorang itu perlu cekap dalam memilih kata sapaan atau panggilan yang sesuai ketika berbicara atau berinteraksi dengan orang lain. Dalam sesuatu masyarakat, terdapat suatu sistem panggilan dan sapaan yang tertentu. Begitu juga halnya dengan bahasa Mendriq yang mempunyai sistem panggilannya yang tersendiri.

Jadual 3 Sistem panggilan bahasa Mendriq.

Bil.	Sistem Panggilan	Makna	Fonetik
1.	Ei	Ayah	[e.i]
2.	Bek	Mak	[bəʔ]
3.	Ayak	Nenek	[a.jaʔ]
4.	Atak	Datuk	[a.taʔ]
5.	Don, bed	Moyang	[don] [bəd]
6.	Mok tua	Mak cik	[mōʔ] [tu.wa]
7.	Pok tua	Pak cik	[poʔ] [tu.wa]
8.	Along	Sulung	[a.loŋ]
9.	Angah	Anak kedua	[a.rjāh]
10.	Adik	Anak ketiga	[a.diʔ]
11.	Aloit	Anak keempat	[a.lo.jit]

Jadual 3 menunjukkan bentuk panggilan yang terdapat dalam bahasa Mendriq. Sistem panggilan yang terdapat dalam bahasa Mendriq mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu, misalnya sistem panggilan dalam kekeluargaan seperti [mok tua], [pok tua], [along], [angah], [adik] dan [aloit]. Penggunaan dan pemilihan kata sapaan ini bergantung pada hubungan sosial antara penutur dengan pendengar. Walaupun terdapat perbezaan bentuk bahasa sapaan antara satu kelompok etnik dengan satu etnik yang lain, namun konsep asasnya tetap sama.

**Senjata**

Senjata merupakan alat yang digunakan dan boleh mendatangkan kecederaan dan kemudaratan kepada orang lain serta digunakan untuk mempertahankan diri dan berburu. Masyarakat Orang Asli Mendriq biasanya menggunakan pelbagai senjata untuk pelbagai tujuan. Oleh itu, perhatikan Jadual 4 untuk penjelasan tentang senjata yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli Mendriq.

Jadual 4 Persenjataan masyarakat Orang Asli Mendriq.

Bil.	Senjata	Makna	Fonetik
1.	Blau	Sumpit	[blau]
2.	Balek	Tabung sumpit	[ba.ləʔ]
3.	Matak	Lembing	[mā.taʔ]
4.	Matak	Tombak	[mā.taʔ]
5.	Telat	Peluru sumpit	[tə.lat]
6.	Brul	Gabus sumpit	[brul]
7.	Pasul	Kapas sumpit	[pa.sul]
8.	Wuwen	Parang	[wu.wən]
9.	Wes	Pisau	[wəs]

Berdasarkan Jadual 4, persenjataan yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli Mendriq dilihat mempunyai tujuan yang tertentu. Jika dilihat dari segi fungsi dan kegunaan persenjataan tersebut, fungsi senjata berkenaan lebih terarah kepada alatan memburu seperti sumpit, parang, lembing dan tombak.

**Anggota Badan**

Dalam bahasa Mendriq juga mengandungi variasi dan perbezaan leksikal dengan bahasa Melayu. Bahasa Mendriq mempunyai keunikan leksikal dalam mengungkapkan leksikal anggota badan. Jadual 5 menunjukkan leksikal anggota badan dalam bahasa Mendriq.

Jadual 5 Leksikal anggota badan dalam bahasa Mendriq.

Bil.	Anggota Badan	Makna	Fonetik
1.	Soh	Rambut	[soh]
2.	Kui	Kepala	[kui]
3.	Anting	Telinga	[an.tiŋ]
4.	Han	Mulut	[han]
5.	Din han	Gigi	[din.han]
6.	Mo	Hidung	[mō]
7.	Jangkek	Leher	[ʃaŋ.kəʔ]
8.	Kelapa	Bahu	[kə.la.pa]
9.	Perbel	Biseps	[pər.bəl]
10.	Krel	Lengan	[krəl]
11.	Jarik	Jari	[ʃa.riʔ]
12.	Jarik bow	Ibu jari	[ʃa.riʔ.bow]
13.	Jarik wang	Jari kelengkeng	[ʃa.riʔ.waŋ]
14.	Blek	Paha	[bləʔ]
15.	Sikuk	Siku	[si.kuʔ]
16.	Taltong	Lutut	[tal.toŋ]
17.	Keting	Betis	[kə.tiŋ]
18.	Tapak can	Tapak kaki	[ta.paʔ.čan]
19.	Lentik	Lidah	[lə.n.tiʔ]
20.	Cas	Tangan	[čas]

**Persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam bahasa Mendriq dengan bahasa Melayu menunjukkan variasi lingkungan bahasa yang pelbagai dan meluas.**

Jadual 5 memaparkan leksikal yang merujuk anggota badan dalam bahasa Mendriq. Jika diperhatikan setiap leksikal, hanya leksikal jari dan tapak yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu. Persamaan yang sedikit ini memberikan keunikan dalam bahasa Mendriq yang mempunyai struktur dan pemaknaannya yang tersendiri. Perbezaan makna leksikal seperti leksikal lentik, kelapa dan cas menunjukkan keunikan dan keistimewaan bahasa Mendriq. Oleh itu, persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam bahasa Mendriq dengan bahasa Melayu menunjukkan variasi lingkungan bahasa yang pelbagai dan meluas.

Sebagai kesimpulannya, penggunaan leksikal yang digunakan dalam bahasa Mendriq dilihat satu perkara yang unik kerana masyarakat ini menetap di Kelantan, namun bahasa Mendriq menjadi bahasa komunikasi seharian. Hal ini menunjukkan bahawa jati diri dan usaha pengekalan bahasa ibunda akan dapat dipelihara dan dilestarikan. Oleh hal yang demikian, penghasilan rencana ini diharapkan dapat membantu usaha pemeliharaan bahasa minoriti, terutamanya bahasa suku kaum Negrito, khususnya bahasa Mendriq. <sup>DB</sup>